

1983

KUALA LUMPUR, 19 OGOS (BERNAMA) -- DUA ORANG WAKIL KE PERHIMPUNAN AGUNG KE -34 UMNO DI SINI HARI INI MENEGUR PRESIDEN PARTI ITU DAN MENSIFATKAN UCAPAN TERIMA KASIHNYA KEPADA PERWAKILAN TAHUN 1981 KERANA MEMILIH DATUK MUSA HITAM MENJADI TIMBALAN PRESIDEN SEBAGAI SATU PERBUATAN MELOBI.

ENCIK SHAMSURI SALLEH DARI PULAU PINANG JUGA MENGANGGAP UCAPAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD PAGI TADI SEBAGAI SATU +PERISYTIHARAN PERANG+ BAGI PIHAK-PIHAK YANG BERTANDING DALAM PEMILIHAN PARTI TAHUN DEPAN.

PERDANA MENTERI DALAM UCAPANNYA TELAH BERTERIMA KASIH KEPADA WAKIL-WAKIL PERHIMPUNAN TAHUN LALU KERANA MEMILIH DATUK MUSA YANG MENURUTNYA 'BOLEH BEKERJA DENGANNYA SEBAGAI SATU PASUKAN'.

ENCIK SHAMSURI, SEMASA MEMBAHASKAN UCAPAN DASAR ITU, BERKATA: +PERBUATAN LOBI-MELOBI TIDAK MENJADI KESALAHAN ASALKAN PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT TIDAK MENGAMALKAN FITNAH-MEMFITNAH.+

-- LAGI 1940/MB

ZCZC 8671

UMNO - LOBI 2 KUALA LUMPUR

ENCIK MOHAMED CIK MAT DARI MELAKA JUGA MENEGUR UCAPAN PRESIDEN ITU KERANA BIMBANG IA AKAN DITAFSIRKAN SEBAGAI MELOBI UNTUK SESUATU CALON YANG KELAK AKAN MENGGUGAT POLITIK NEGARA.

+SEBAGAI PEMIMPIN, KITA SEMUA MESTI PANDAI MENGADAKAN PERTIMBANGAN+. KATA-KATANYA ITU DISAMBUK DENGAN TEPUKAN GEMURUH PARA WAKIL.

BELIAU MENSIFATKAN +LEFTENAN+ YANG DIBANGKITKAN DALAM UCAPAN ITU JUGA SEBAGAI SATU ISU SENSITIF YANG BOLEH MENIMBULKAN KECAMUKAN DI KALANGAN ANGGOTA UMNO.

+DALAM KITA INGIN MENINGKATKAN PENCAPAIAN MATLAMAT UMNO, KITA HARUS MEMPUNYAI SEMANGAT KERJASAMA DAN KERJASAMA TIDAK BERMAKNA DUA ORANG SAHAJA.

+KALAU KITA SUKAKAN SATU PASUKAN POLITIK ITU, KITA JANGANLAH MENGISYTIHARKANNYA DALAM HITAM PUTIH, BIARLAH SETAKAT SAMAR-SAMAR SAHAJA,+ KATANYA.

ENCIK MOHAMED BIMBANG JIKA UCAPAN ITU DITAFSIRKAN SEBAGAI MEMIHAK KEMANA-MANA MAKA AKAN TIMBUL MASALAH DALAM PARTI APABILA SESEORANG ITU MENGANGGAP DIRINYA +GENG+ ITU DAN ORANG ITU +GENG+ LAIN DAN JIKA BERLARUTAN SAMPAI BILAPUN MASALAH PERPADUAN PARTI TIDAK AKAN DAPAT DIATASI. -- LAGI 1950/

ZCZC 8672

UMNO - LOBI 3 KUALA LUMPUR

WAKIL ITU JUGA MENYENTUH TENTANG DINAMISME YANG DITUNJUKKAN OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR SEJAK DUA TAHUN MENJADI PERDANA MENTERI DAN BERHARAP SEGALA DASAR YANG DIBUAT DIPERTIMBANGKAN AGAR SETIMPAL DENGAN KEMAMPUAN RAKYAT.

ENCIK MOHAMED MEMBERI CONTOH PROJEK INDUSTRI BERAT DAN BERTANYA SAMA ADA KAJIAN DIBUAT BAGI MENENTUKAN NEGARA DAPAT MENAMPUNG TENAGA PEKERJA DALAM INDUSTRI ITU.

DALAM HUBUNGAN INI, PERSIAPAN HENDAKLAH DIBUAT UNTUK MEMBOLEHKAN RAKYAT MENGHAYATI ASPEK SAINS DAN TEKNOLOGI UNTUK MENJAYAKAN INDUSTRI ITU.

+KAMI MAHU BERSAING TETAPI ADALAH MENJADI TUGAS KERAJAAN UNTUK MENUNJUKKAN BAGAIMANA HENDAK BERSAING.+

RAJA OTHMAN RAJA JAFAR (WILAYAH PERSEKUTUAN) JUGA TIDAK SETUJU DENGAN TAKRIF +LEFTENAN+ YANG DISEBUTKAN OLEH PERDANA MENTERI DAN YAKIN IA TIDAK WUJUD DALAM PARTI.

+LOBI-MELOBI ITU DILAKUKAN KERANA MEREKA ITU SUKAN BERPARTI-KAN UMNO DAN TIDAK SALAH,+ TEGASNYA.

WAKIL ITU JUGA MENDEDAHKAN TENTANG ADANYA 40 PERATUS ANGGOTA TENTERA YANG MENAGIH DADAH DALAM SATU KEM TENTERA DAN BERHARAP YANG TERLIBAT DIHENTIKAN PERKHIDMATAN MEREKA.

UMNO-LOBI 4 KUALA LUMPUR

WAKIL NEGERI PERLIS, TENGGU ABDUL AZIZ TENGGU JAAFAR, PULA BERPENDAPAT ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI TIDAK PERLU MENGGUNAKAN +LEFTENAN+ MEREKA UNTUK MELOBI SOKONGAN BAGI DIPILIH SEMULA DALAM PEMILIHAN TAHUN DEPAN.

KATANYA PERWAKILAN BERHAK MEMBUAT PEMILIHAN DAN MEMBUAT UKURAN TERHADAP KELAYAKAN SESEORANG ITU UNTUK DIPILIH SEMULA MENJADI ANGGOTA MAJLIS ITU.

TENGGU ABDUL AZIZ BERKATA PERWAKILAN AKAN DPAT MENGENALI SIAPAKAH YANG SEBENARNYA TELAH BEKERJA KUAT UNTUK PARTTI.

BELIAU JUGA MENINGATKAN AKERAJAAN SUPAYA MENGUATKUASAKAN DENGAN TEGAS SYARAT-SYARAT BAGI KONTRAKTOR ASING YANG MENJALANKAN PROJEK-PROJEK SECARA SIAPGUNA.

KATANYA KONTRAK-KONTRAK YANG DIBERIKAN KEPADA PEMBORONG BUMIPUTERA BIARLAH YANG BESAR BUKAN HANYA SETAKAT MENANAM RUMPUT ATAU MEMBINA LONGKANG.

BELIAU MAHU SUPAYA KERAJAAN MELARANG KONTRAK ASING MEMBAWA PEKERJA-PEKERJA MAHIR MEREKA SEBALIKNYA MEREKA HENDAKLAH MENGADAKAN PAKAR-PAKAR PERUNDING UNTUK MENUNJUK-AJAR PEKERJA PEKERJA TEMPATAN. -- LAGI 2015/MD

ZCZC B674

UMNO-LOBI 5 KUALA LUMPUR

TENGGU ABDUL AZIZ JUGA MEMINTA KERAJAAN MEMASTIKAN DISIPLIN ANGGOT
A
TENTERA BERADA DI TAHAP YANG TINGGI SUPAYA MEREKA BENAR-BENAR DAPAT MEMPERTAHAKAN NEGARA DARI MUSUH.

KATANYA KEJADIAN KEMALANGAN YANG MENIMPA ANGGOTA-ANGGOTA TENTERA AKHIR-AKHIR INI ADALAH KERANA KURANG DISIPLIN, TERMASUK TERLIBAT DENGAN DADAH.

TENGGU ABDUL AZIZ JUGA MEMINTA KERAJAAN TIDAK MENGGUNAKAN PERKATAAN +ALLAH+ PADA PIN-PIN PANGKAT ATAU SIMBOL POASUKAN TENTERA KERANA IA MERUPAKAN PENGHINAAN KEPADA AKIDAH KERANA ADA KEMUNGKINAN PIN-PIN ITU DIBAWA KE TEMPAT YANG CEMAR SEPERTI KE TANDAS.

WAKIL ITU JUGA MEMINTA PENJELASAN SAMA ADA BENAR RUMAH KEDIAMAN PERDANA MENTERI YANG BARU BERTENTANGAN DENGAN DASAR MENGURANGKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN.

BELIAU JUGA MEMPERSOALKAN CADANGAN UNTUK MEMAJUKAN PULAU LANGKAWI SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN BARU DAN INGIN TAHU SAMADA ORANG -ORANG MELAYU DI SITU TELAH BERSEEDIA UNTUK MENERIMANYA.
--BERNAMA 2025/MD